

## **PENGARUH FAKTOR AGAMA DALAM MEMPENGARUHI GELAGAT KEPATUHAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA DALAM KALANGAN USAHAWAN MUSLIM**

### **THE EFFECT OF RELIGIOUS FACTORS IN AFFECTING THE HALAL MEMBERS OF THE HALAL CERTIFICATION OF COMPLAINTS IN MUSLIM ENTREPRENEURSHIP**

Siti Khalilah Basarud-din<sup>1</sup>  
Azizi Abu Bakar<sup>2</sup>  
Ram Al Jaffri Saad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>PhD student, School of Islamic Business, Universiti Utara Malaysia, Sintok Malaysia. eyila\_86@yahoo.com

<sup>2</sup>Associate professor, School of Islamic Business, Universiti Utara Malaysia, Sintok Malaysia  
abazizi@uum.edu.my

<sup>3</sup>Associate professor, School of Accounting, Universiti Utara Malaysia, Sintok Malaysia  
ram@uum.edu.my

**Accepted date:** 1 June 2017

**Published date:** 30 June 2017

**To cite this document:** Basarud-din, S. K., Bakar, A. A., & Saad, R. A. J. (2017). Pengaruh Faktor Agama Dalam Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Pensijilan Halal Malaysia Dalam Kalangan Usahawan Muslim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(4), 94-101.

---

**Abstrak:** Pensijilan halal Malaysia dalam industri makanan halal adalah penting terutamanya kepada usahawan bagi memastikan bahawa setiap produk yang dihasilkan berlandaskan prinsip Islam yang sebenar. Oleh itu, Malaysia memerlukan lebih ramai usahawan terutamanya usahawan Muslim untuk memohon pensijilan halal Malaysia. Walau bagaimanapun, pensijilan halal adalah salah satu isu yang sering dibahaskan sejak penubuhannya. Tambahan pula, permohonan bagi mematuhi piawaian sijil halal dalam kalangan usahawan Muslim masih kurang memuaskan. Pelbagai faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan telah dicadangkan dalam kesusasteraan, sebaliknya isu tentang gelagat kepatuhan dari perspektif halal dalam kalangan usahawan Muslim masih terhad. Justeru, tujuan kajian ini untuk mengenal pasti faktor agama dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia dalam kalangan usahawan Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur untuk mengenal pasti dan menganalisis fenomena ini. Cadangan kajian lanjutan juga turut dibincangkan.

**Kata kunci:** Gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia; Pengetahuan, Etika kerja Islam, Sikap, Usahawan Muslim.

**Abstract:** *The halal certification of Malaysia in the halal food industry is especially important to entrepreneurs to ensure that each product is based on a true Islamic principle. Therefore, Malaysia needs more entrepreneurs especially Muslim entrepreneurs to apply for Malaysia's halal certification. However, halal certification is one of the issues that has been frequently debated since its inception. In addition, applications for compliance with halal certificate standards among Muslim entrepreneurs are still unsatisfactory. Various factors affecting compliance behavior have been suggested in literature, but the issue of compliance behavior from halal perspectives among Muslim entrepreneurs is still limited. Hence, the purpose of this study is to identify religious factors in influencing the behavior of Malaysia's halal compliance certification among Muslim entrepreneurs in Malaysia. This study uses a literature review method to identify and analyze this phenomenon. Further research proposals are also discussed.*

**Keywords:** *Malaysian halal certification compliance behavior; Knowledge, Ethics of Islamic Work, Attitude, Muslim Entrepreneurs.*

---

## **Pengenalan**

Peningkatan permintaan produk halal telah menjadi suatu fenomena perniagaan dan pengaruh yang luas dalam pasaran tempatan dan antarabangsa bagi memenuhi permintaan yang tinggi. Dilaporkan bahawa pada masa kini terdapat kira-kira 1.5 bilion pengguna produk halal di seluruh dunia dengan nilai penggunaan sebanyak AS\$2 trilion setahun (Mohamad, 2011). Dengan jumlah yang begitu besar ini sudah tentu memberikan pendapatan yang lumayan kepada mana-mana pengusaha dan syarikat yang menghasilkan produk berstatus halal.

Bagi memenuhi permintaan industri halal, usahawan Muslim perlu mematuhi piawaian halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Siaw & Nazatul Shima, 2012). JAKIM adalah satu-satunya agensi yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan pensijilan halal di Malaysia dan memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan di pasaran bertepatan dengan konsep halal yang sebenar. Pensijilan halal merujuk kepada pemeriksaan bagi pengeluaran dari peringkat penyediaan, kaedah penyembelihan, bahan-bahan yang digunakan, pembersihan, pengendalian, pemprosesan, pengangkutan dan pengedaran (Jusmaliani & Nasution, 2010).

Walaupun dengan potensi permintaan produk halal yang tinggi dan pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan negara sebagai hub halal dunia, namun gelagat usahawan Muslim dalam mendapatkan pensijilan halal Malaysia masih berada pada tahap yang mendukacitakan. Dalam Jadual 1.1 berikut, dipaparkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara pemegang sijil halal usahawan Muslim dengan usahawan bukan Muslim berdasarkan jenis kategori perniagaan bagi tahun 2014. Namun begitu, jelas menunjukkan gelagat kepatuhan pensijilan halal dalam kalangan usahawan Muslim adalah sangat rendah berbanding usahawan bukan Muslim dalam menghasilkan sesuatu produk halal di pasaran.

**Jadual 1.1**  
*Statistik Pemegang Pensijilan Halal Malaysia Bagi Usahawan Muslim dan Bukan Muslim pada tahun 2012 sehingga 2014.*

Tahun	Muslim			Bukan Muslim		
	IK	PKS	MULTI	IK	PKS	MULTI
2014	687	505	129	854	1378	1044

Sumber: JAKIM (2015).

Dalam pada itu, Jadual 1.2 pula menunjukkan laporan statistik permohonan mendapatkan sijil halal dalam kalangan usahawan Muslim pada 2009. Jadual tersebut mendedahkan bahawa terdapat 622 permohonan dibuat dan daripada jumlah tersebut hanya 301 orang usahawan Muslim sahaja yang mendapat sijil halal.

**Jadual 1.2**  
*Laporan Statistik Permohonan dan Kelulusan Sijil Halal Bagi Usahawan Muslim pada tahun 2009.*

Status	Permohonan Sijil Halal	Kelulusan Sijil Halal
Usahawan Muslim	622	301

Sumber: "Pentingnya sijil halal," 2010.

Fenomena kegagalan mendapatkan sijil halal ini disumbangkan oleh gelagat usahawan terhadap kepatuhan amalan halal yang digariskan oleh JAKIM. Keadaan ini perlu diberi perhatian oleh usahawan Muslim kerana produk halal adalah sebahagian daripada kewajipan agama. Usahawan Muslim perlu peka tentang kepentingan pensijilan halal bagi setiap produk yang diusahakan terutama dalam usaha pemasaran produk di peringkat tempatan dan antarabangsa. Justeru persoalan yang timbul, kenapa fenomena ini terjadi?. Tambahan pula, dalam penghasilan sesuatu produk yang halal adalah tuntutan agama Islam yang wajib diikuti oleh semua usahawan Muslim. Sehubungan itu, adalah wajar suatu literatur perlu dilakukan bagi merungkai persoalan mengenai faktor-faktor agama dalam mempengaruhi gelagat PKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia dengan menganalisis penyelidikan lepas bagi mengenal pasti masalah dan penyelesaian terhadap fenomena ini.

### **Sorotan Literatur dan Pembinaan Hipotesis Gelagat Kepatuhan**

Terdapat pelbagai definisi mengenai gelagat kepatuhan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Dalam bidang zakat, Ram Al Jaffri (2010) memberi maksud kepatuhan sebagai patuh atau gagal kepada hukum Allah S.W.T dan peraturan yang dikeluarkan oleh institusi zakat. Manakala dalam bidang halal oleh Ilya Nur, Rosli, Suhaimi dan Dzulkifly (2012) menyatakan ketidakpatuhan standard halal merupakan kegagalan dalam melaksanakan undang-undang dan polisi halal yang telah ditetapkan.

Justeru, dalam konteks kajian ini, gelagat kepatuhan piawaian halal adalah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAKIM bagi menepati prinsip-prinsip Islam yang sebenar iaitu *halalan tayyiban* dalam penghasilan produk. Sehubungan itu, faktor agama adalah bersesuaian dalam kajian ini kerana halal sinonim dengan agama Islam. Oleh yang demikian, faktor agama dicadangkan dalam kajian ini bagi menerangkan gelagat kepatuhan usahawan Muslim dalam mematuhi amalan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi mengeluarkan sesuatu produk yang mengikut prinsip halal yang sebenar. Justeru itu, bagi mengenal pasti gelagat kepatuhan piawaian halal, pengaruh faktor keagamaan adalah bersesuaian bagi kajian ini.

## **Faktor Keagamaan**

Agama merupakan nilai kepercayaan yang berkembang menjadi ilmu pendidikan jiwa dalam diri manusia yang berhubungan dengan kekuasaan Tuhan (Khadijah, Fauziah, Mohd Suhaimi, Wan Shahrazad, Salina & Norulhuda, 2013). Munazza dan Ilhaamie (2014) menyatakan bahawa keagamaan dianggap sebagai suatu set kepercayaan yang mana seseorang individu akan mengetahui apa yang perlu dilakukan atau ditegah dalam agama tersebut. Nilai agama Islam dapat dilihat dari sumber utamanya iaitu al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W. Isi al-Quran merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariah. Semakin tinggi agama dalam diri seseorang maka individu lebih cenderung dalam melakukan segala yang dituntut dalam agama itu sendiri (Syed Shah et al., 2012). Kepentingan agama dalam diri seseorang dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama (Fauziah, Norulhuda, Khadijah, Mohd Suhaimi, Noremy & Salina, 2012). Malah, seseorang individu yang berpegang kuat terhadap ajaran agama dilihat sentiasa menjalankan tanggungjawab agama dengan baik, melakukan gelagat berlandaskan tuntutan agama serta akan mendahulukan suruhan agama dalam segala hal yang dilakukan (Khadijah et al., 2013). Malah, faktor keagamaan adalah penentu utama dalam mempengaruhi gelagat manusia (Syed Shah et al., 2012; Syed Shah et al., 2011).

Namun begitu, kebanyakan penyelidik terdahulu (Munazza dan Ilhaamie, 2014; Arshia & Muhammad Mohsin, 2012; Syed Shah et al., 2012) hanya memfokuskan faktor agama secara am dalam kajian mereka. Faktor-faktor agama yang diterangkan secara khusus jarang ditemui dalam mengenal pasti faktor agama dalam menerangkan sesuatu gelagat khususnya dalam bidang halal. Sehubungan itu, kajian ini akan merungkai faktor agama secara terperinci yang melibatkan pemboleh ubah akidah, ibadah dan akhlak.

## **Akidah**

Agama Islam merupakan agama fitrah bagi setiap setiap manusia sejagat dan mudah difahami oleh setiap individu di muka bumi ini. Sehubungan dengan itu, matlamat yang tinggi dalam agama Islam adalah untuk melahirkan generasi individu yang beriman dan bertaqwa. Keimanan yang kuat dan teguh berpaksikan pada akidah yang tinggi kepada Allah S.W.T. yang Maha Esa. Dalam agama Islam, akidah merupakan satu perkara yang telah ditetapkan malah wajib bagi setiap individu Mukmin berpegang terhadapnya dan disertakan dengan keyakinan yang teguh dan kepercayaan yang kukuh tanpa mempunyai sebarang syak dalam hati (Sabiruddin, 2012). Keyakinan akidah tidak terbentuk dengan mudah. Hal ini kerana akidah adalah sesuatu yang mantap dan teguh didalam hati (Kasim & Tamuri, 2010). Akidah berasal daripada perkataan 'aqada dalam bahasa arab, bermaksud ikatan yang kuat disertai dengan kepercayaan yang kukuh. Berdasarkan Ramli, (2013) perkataan aqada juga dipakai kepada ikatan jual beli, ikatan sumpah serta seumpamanya.

Sehubungan itu, akidah merupakan asas kepada pembinaan Islam secara keseluruhan, khusus dalam pembangunan gelagat seseorang Muslim. Manakala dalam konteks sosial, akidah berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah s.w.t. dan seterusnya mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani yang seimbang dengan amalan hidup dan gelagat (Norsaleha, Ab. Halim & Salleh, 2013). Justeru itu, akidah merupakan asas dalam bergelagat (Kasim & Tamuri, 2010; Mohammad Jodi, 2014; Marzuki, 2012; Ahmad Munawar et al., 2011). Asas akidah bersandarkan pada Rukun Iman yang enam. Rukun Iman yang meliputi beriman kepada Allah S.W.T, malaikat, rasul, kitab, qada dan qadar dan hari kiamat akan mempengaruhi seseorang untuk bertingkah laku yang baik sehingga terbentuknya gelagat yang baik (Marzuki, 2012). Muslim yang memiliki akidah yang kuat kepada Allah S.W.T akan selalu mentaati segala perintah Allah S.W.T dan menjauhi segala

laranganNya.

Perkaitan antara akidah dan gelagat banyak dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dalam pelbagai bidang. Antaranya, Nor Aini dan Mohd Ali (2013) mendapati bahawa aspek akidah mempunyai hubungan dengan tahap keprihatinan pengguna Muslim berkenaan dengan isu-isu halal dan haram sesuatu produk. Mohd Zain et al., (2015) yang melaporkan bahawa aspek akidah berkait rapat dalam mempengaruhi motivasi usahawan. Begitu juga dengan penyelidikan Elmi dan Zainab (2013) yang mendedahkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan ke atas akidah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. Sharifah Nooraida dan Sharifah Fatimah (2011) dan Saptu dan Abd Aziz (2011) mendedahkan bahawa konsep akidah sangat berpengaruh dalam mendidik manusia menjadi hamba yang patuh dan Muslim yang beriman. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, kajian ini menjangkakan bahawa akidah memainkan peranan yang penting dalam merangsang gelagat kepatuhan usahawan PKS bumiputera dalam mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia. Maka, hipotesis di bawah diuji:

*H1: Akidah mempunyai hubungan yang positif dengan gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia.*

## **Ibadah**

Matlamat utama manusia dijadikan di muka bumi ini adalah menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Sebagai makhluk dan hamba Allah, manusia perlu patuh dan tunduk, mengikut dan menurut serta taat dan setia kepada segala yang diperintahkan Allah S.W.T. Menurut Qaradhawi (2006) dari segi bahasa ibadah yang tepat adalah *al-'Ubudiyah* berasal dari *al-Khudu'* (tunduk atau rendah diri) serta *al-Dhil* (memperhincakan diri). Kemudian *al-Ta'bid* (penyembahan) adalah bermakna *al-Tadhilil* (perendahan diri atau penghinaan diri). *Al-ibadah* sama ertinya dengan taat atau kepatuhan, dan Taabud (penghambaan) mempunyai persamaan erti dengan *al-Tanasuk* (pengabdian). Perkataan *al-ibadah*, *al-Khudu* dan *al-Tadhilil* semuanya mempunyai maksud yang sama iaitu merendahkan diri. Manakala dari segi syarak, ibadah bererti taat dan patuh. Dengan erti yang lain, ibadah adalah melaksanakan semua perkataan dan perbuatan yang dikehendaki Allah S.W.T. di mana manusia menunjukkan ketaatan dan rendah hati terhadap Allah S.W.T.. Menurut Atikullah (2013) setiap ketaatan kepada Allah S.W.T. yang dilakukan dengan penuh kepatuhan, ketundukan dan penghinaan diri maka ia dianggap sebagai ibadah. Ibadah juga bermaksud ketaatan yang mutlak, penyerahan muktamad dan rendah diri yang mutlak kepada Allah dan bersama-sama dengan kasih sayang yang mutlak kepada-Nya (Ahmad Azrin, 2011). Maksud ibadah dalam Islam sangat luas dan erti kehidupan. Ibadah tidak terhad kepada solat, puasa, bersedekah dan pergi untuk menunaikan haji sahaja. Ibadah meliputi seluruh alam semesta dan menjadi satu tujuan hidup, termasuk setiap kata dan setiap tindakan.

Ibadah juga mampu membentuk gelagat yang mulia (Qaradawi, 2006; Masuki, 2012; Shohana, 2010). Konsep ibadah dapat menghalang seseorang dari melakukan perkara-perkara yang keji (Shohana, 2010). Faridah, dan Tengku Sarina Aini (2006) menyatakan bahawa ibadat sembahyang dapat mengelakkan daripada melakukan keburukan, mengajak kepada kebaikan dan berdisiplin dalam kehidupan. Puasa pula dapat mengelakkan daripada sifat tamak, keras hati, penyakit dan akhlak yang keji. Manakala zakat dapat membersihkan hati dari sifat tamak serta haji dapat menyucikan hati, mengeratkan hubungan persaudaraan dan sebagainya. Nilai-nilai yang terkandung dalam ibadah akan melahirkan manusia yang adil, jujur, dan suka membantu (Ali, 2006).

Kepentingan ibadah dalam kehidupan manusia mendorong penyelidik lepas dalam mengkaji ibadah dalam pelbagai bidang kajian. Kebanyakan kajian lepas menunjukkan hubungan ibadah yang positif dalam pelbagai bidang kajian. Umpamanya, kajian yang dijalankan oleh Fathiyah et al., (2013) melaporkan bahawa guru-guru pendidikan Islam

memahami bahawa amalan ibadah khusus yang perlu dilaksanakan menurut syariat dan dalam kehidupan seharian pelajar. Manakala, Mohd Sabri et al. (2009) mendapati bahawa amalan ibadat harian menyumbang kepada kecerdasan emosi seseorang.

Selain itu, penyelidikan yang dilakukan dari perspektif kaunseling oleh Salasiah Hanin et al. (2012) mendapati bahawa elemen ibadah penting untuk diterapkan dalam kaunseling kerana masalah klien didapati mempunyai kaitan dengan amalan ibadah mereka. Kajian ini juga mendapati kemahiran kaunseling penting untuk menerapkan elemen ibadah dalam kaunseling. Hasil dapatan kajian terdahulu adalah wajar pemboleh ubah ibadah mampu mempengaruhi gelagat usahawan Muslim dalam mematuhi piawaian halal Malaysia. Justeru, hipotesis penyelidikan dirumuskan seperti di bawah:

*H2: Ibadah mempunyai hubungan yang positif dengan gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia.*

### **Akhlak**


Tingkah laku manusia dalam Islam dikenali dalam bahasa Arab sebagai akhlak. Akhlak berasal daripada perkataan *khulqun* yang bermaksud tabiat, tingkah laku dan budi pekerti (Mohd Ayop, 2013; Misri, 2014; Rosniati, 2013). Rosniati (2013) menjelaskan bahawa akhlak diibaratkan sebagai *hai'ah* (sifat) yang melekat pada jiwa yang darinya timbul *af'al* (perilaku) dengan mudah tanpa hajat kepada pemikiran dalam melakukannya, dalam erti kata lain ia adalah kebiasaan seseorang. Selari dengan perbincangan di atas, kebanyakan penyelidikan terdahulu menunjukkan bukti pengaruh akhlak dalam pelbagai bidang kajian seperti yang dilakukan oleh Rohana, Norhasni, Azimi dan Fathiyah (2013). Mereka dapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang sederhana antara pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dengan penghayatan akhlak Islam, manakala antara pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak Islam pula wujudnya hubungan signifikan yang rendah. Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim dan Kamarulzaman (2011) mendedahkan bahawa kebanyakan pelajar perempuan mendominasi penghayatan akhlak.

Khadijah dan Habsah (2013) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan akhlak berdasarkan jantina dan lokasi sekolah. Fauziah et al. (2012) pula mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dengan penyelidikan ini menunjukkan mereka mempunyai tahap pengetahuan keagamaan pada tahap yang sederhana. Hasil kajian terdahulu mampu membuktikan bahawa akhlak boleh mempengaruhi gelagat usahawan Muslim dalam mematuhi pensijilan halal Malaysia. Maka hipotesis dalam kajian ini dibentuk seperti berikut:

*H3: Akhlak mempunyai hubungan positif dengan gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia.*

### **Model Kajian**

Kerangka kajian dibangunkan berdasarkan hipotesis yang dicadangkan daripada Sorotan Literatur. Model kerangka kajian dirangka dalam Rajah 1 bagi memperjelaskan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1: Kerangka Gelagat Kepatuhan Pensijilan Halal Malaysia.

### **Kesimpulan**

Tujuan kajian ini adalah untuk mencadangkan suatu model kajian yang melibatkan pengaruh faktor agama bagi mengenal pasti gelagat kepatuhan pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan literatur terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor akidah, ibadah

dan akhlak mampu mempengaruhi gelagat usahawan Muslim dalam mematuhi piawaian halal JAKIM bagi menghasilkan produk halal yang sebenar di pasaran. Hasil kajian ini dapat memberi beberapa gambaran awal bagi menerangkan sesuatu gelagat yang melibatkan aspek keagamaan khususnya dalam bidang halal. Justeru, kajian empirikal perlu dijalankan bagi mengaplikasikan dan menerangkan model kajian dengan lebih terperinci.

## Rujukan

- Ahmad Azrin, A. (2011). Islamic Consumer Behavior (ICB): Its why and what. *International Journal of Business and Social Science*, 2(21), 157-165.
- Ahmad Munawar, I., Mohd Yusof, O., & Jawiah, D. (2011). The development of human behavior using Islamic approach. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 103-116.
- Ali, M. (2006). Penanaman nilai-nilai agama Islam dalam pembentukan sikap dan perilaku siswa sekolah dasar Islam terpadu Luqman al-Hakim Yogyakarta. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 8(1), 1-15.
- Arshia, M., & Muhammad Mohsin, B. (2012). Intention to choose Halal products: the role of religiosity. *Journal of Islamic Marketing*, 3(2), 108-120.
- Atikullah, A. (2013). Konsep kerja sebagai ibadat menurut perspektif Islam asas fahaman dualisme dalam kehidupan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 37-48.
- Elmi, B., & Zainab, I. (2013). Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. *International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 19-28.
- Faridah, C. H., & Tengku Sarina Aini, T. K. (2006). Pendekatan psikologi dalam pendidikan akhlak Muslim sebagai pemangkin pembangunan insan dan tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290-306.
- Fathiyah, M. F., Nor Hayati, A., Azimi, H., & Lukman, A. M. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-16.
- Fauziah, I., Norulhuda, S., Khadijah, A., Mohd Suhaimi, M., Noremy, M. A., & Salina, N. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 84-93.
- Ilyia Nur, A. R., Rosli, S., Suhaimi, A. R., & Dzulkifly, M. H. (2011). Factors contributing to non-compliance of the halal standard among restaurant operators in Malaysia. Dalam *2011 2nd International Conference on Business, Economics and Tourism Management* (Vol. 24, pp. 88-92).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. . (2015). *Laporan pensijilan halal*.
- Jusmaliani & Nasution, H. (2010). Identification of the attributes of halal meat consumption: Study of Muslims in Jakarta and Melbourne. *Review of Indonesian Economic and Business Studies* 1(1), 81-92.
- Kasim, A. Y., & Tamuri, A. H. (2010). Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 13-30.
- Khadijah, A. R., & Habsah, I. (2013). The internalization of akhlaq among Selangor secondary school students. *Asian Social Science*, 9(16), 133-141.
- Khadijah, A., Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W. S., Salina, N., & Norulhuda. (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *Journal of Social science and Humanities*, 8(2), 1-10
- Marzuki, M.A. (2012). *Pendidikan al-Quran dan dasar-dasar pendidikan karakter dalam Islam. Seminar penanaman dan pengembangan karakter mulia pada anak-anak melalui pendidikan al-Quran*. Dicapai pada November, 14, 2014, daripada [http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/pengabdian/dr-marzuki-mag/dr-marzuki\\_mag-pendidikan-al-quran-dan-dasar-dasar-pendidikan-karakter-dalam-islam.pdf](http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/pengabdian/dr-marzuki-mag/dr-marzuki_mag-pendidikan-al-quran-dan-dasar-dasar-pendidikan-karakter-dalam-islam.pdf).
- Misri, M. (2014). *Ensilopedia akhlak Muhammad S.A.W.* (Yahya, N., Terj.). Selangor: Al- Hidayah Publication.
- Mohamad, K. (2011). Transformasi industri halal. *Dewan Ekonomi*, 3-11. Dicapai pada Mac, 5,

- 2013, daripada <http://e-muamalat.gov.my/kertasilmiah/transformasi-industri-halal>
- Mohammad Jodi, K. H. (2014). Sejauhmana bahan bacaan mempengaruhi pemahaman akidah remaja: satu kajian di institut pengajian tinggi swasta (IPTS). *Dalam Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. (pp. 550-558).
- Mohd Ayop, A. R. (2013). *Akidah, ibadah & akhlak dalam denyut nadi kehidupan*. Selangor: Mabar Publication.
- Mohd Sabri, M., Syed Najmuddin, S. H., & Ab. Halim, T. (2009). Amalan ibadah harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1), 1(1), 29-40.
- Mohd Zain, M., Asyraf, A. R., & Mohd Rafi, Y. (2015). Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: kajian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 43-53.
- Munazza, S., & Ilhaamie, A. G. A. (2014). Religion and brand switching behavior of Muslim consumers. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(9), 1611-1617.
- Nor Aini, I., & Mohd Ali, M. N. (2013). Analisis keprihatinan pengguna Muslim terhadap isu halal-haram produk melalui pembentukan indeks. *Dalam Prosiding Perkem VIII*, 3, 1245-1258.
- Pentingnya sijil halal. (2010). *Kosmo*. Dicapai pada April, 16, 2013 daripada <http://www.kosmo.com.my>
- Qaradawi, Y. (2006). *Ibadah dalam Islam* (Abu Asma, A., & Nasruddin, A. R. Terj.) (2<sup>nd</sup> ed.). Kuala Lumpur: Puataka Syuhada.
- Qaradhawi, Y. (2006). *Ibadah Dalam Islam* (Abu Asma, A., & Nasruddin, A. R. Terj.) (2<sup>nd</sup> ed.). Kuala Lumpur: Puataka Syuhada.
- Ram Al Jaffri, S. (2010). *Gelagat kepatuhan zakat perniagaan di negeri Kedah Darulaman*. Tesis Phd tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Ramli, A. (2013). *Akidah: Penghayatan Tauhid Al-Quran* (2<sup>nd</sup> ed.). Johor: Pernerbit UTM Press.
- Rohana, T., Norhasni, Z. A., Azimi, H., & Fathiyah, M. F. (2013). Hubungan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan akhlak belia di institusi pengajian awam terpilih di Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 91-106.
- Rosniati, H. (2013). Studi Islam tentang akhlak konselor. *Jurnal Al-Ta'lim*, 1(4), 299-311.
- Sabiruddin. (2012). Akidah Asas Kesempurnaan Insan. *Jurnal al-Hikmah* 4, 106-110.
- Salasiah Hanin, H., Zainab, I., & Noor Shakirah, M. A. (2012). Kaedah penerapan ibadah dalam kaunseling salasiah. *Jurnal Teknologi*, 59, 87-92.
- Saptu, S. & Abd Aziz, A. (2012). Konsep al-Tasfiyah (pemurnian) akidah dalam sunnah nabawiyah. *Jurnal Ilmiah Berimpak*, 4, 41-62.
- Sarimah, M., Mohd Kashfi, M. J., Ab. Halim, T., & Kamarulzaman, A. G. (2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *Global Journal Al Thaqafah*, 1(1), 71-77.
- Sharifah Nooraida, W. H. & Sharifah Fatimah, W. J. (2011). Tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1-13.
- Shohana, H. (2010) Kesejahteraan dan kedamaian melalui pembangunan modal insan: Kajian teks Hidayah Al-Salikin. *Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat*. (pp. 1-17).
- Siaw, C. L., & Nazatul Shima, A. R. (2012). A critical review on the regulatory and legislation challenges faced by halal start-up SMEs food manufacturers in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 57, 541-548.
- Syed Shah, A., Hawati, J., Zanariah, Che Aniza, C. W., & Mst. Nilufar, A. (2012). Is religiosity an important factor in influencing the intention to undertake Islamic home financing in Klang Valley?. *World Applied Sciences Journal*, 19 (7), 1030- 1041.
- Syed Shah, A., Rohani, M., & Badrul, H. (2011). Is religiosity an important determinant on Muslim consumer behaviour in Malaysia?. *Journal of Islamic Marketing*, 2(1), 83-96.